

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ESSO UNTUK NEGARA SEMPENA MAJLIS
PENUTUP PERAYAAN 100 TAHUN ESSO DI MALAYSIA

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 23 AUG 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada ESSO kerana menjemput saya ke Majlis Penyampaian Hadiah ESSO Untuk Negara dan seterusnya merasmikan Majlis Penutup Perayaan 100 Tahun ESSO pada hari ini.

2. Tahniah juga kepada ESSO Malaysia kerana Hari Jadinya Yang Ke-100. Semoga ESSO akan kekal beroperasi di negara ini. Sepanjang 100 tahun yang lalu, ESSO bukan sahaja telah menyumbang terhadap pembangunan industri petroleum dan gas di negara ini tetapi juga terhadap pembangunan negara. Kerajaan menghargai sumbangan ESSO dan berharap ia akan berterusan.

3. Saya difahamkan ESSO mula beroperasi di negara ini dengan menjual minyak tanah atau `kerosene' di Pulau Pinang pada tahun 1893. Bermula dengan perniagaan secara kecil-kecilan ini, ESSO telah berkembang pesat untuk menjadi pengeluar minyak mentah yang terbesar di Malaysia pada hari ini. Saya berasa gembira bahawa ESSO telah melabur sebanyak RM16 billion di negara ini setakat ini satu jumlah yang besar mengikut sebarang 'standard'.

4. Malaysia memang menggalakkan pelaburan asing ke negara ini. Dalam usaha ini, kita telah menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan infrastruktur. Kita juga sering menambah serta mempertingkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur ini bagi menampung pelaburan baru. Usaha ini telah mendatangkan kejayaan dan ini terbukti dengan adanya berbagai-bagai jenis industri, termasuk industri berat dan canggih di ne gara ini.

5. Di samping mengekalkan kestabilan politik negara, Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan bagi menampung keperluan pelaburan. Bagi Malaysia, pelaburan merupakan nadi pembangunan dan kemajuan negara. Di zaman teknologi tinggi dan canggih ini, mana-mana negara yang enggan atau lewat memperolehnya akan tertinggal dan tidak dapat dibangunkan. Malaysia tidak mahu ketinggalan. Justeru itu, kita harus memasuki industri-industri yang berteknologi tinggi dan canggih ini.

6. Bagi Malaysia pelabur asing dianggap rakan pembangunan

atau 'partners in development'. Sungguhpun para pelabur melabur kerana ingin membuat keuntungan, hakikatnya ialah melalui pelaburan mereka menyumbang kepada pembangunan negara. Apabila mereka berjaya dan membuat keuntungan, Kerajaan turut mendapat faedah melalui hasil cukai. Di samping itu, pada hari ini banyak syarikat asing yang turut menyumbang kepada masyarakat setempat melalui program-program kemasyarakatan atau 'community development programmes'. Ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab korporat mereka. Dengan adanya pelaburan, peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di negara ini diwujudkan dan ini menolong mengatasi masalah pengangguran. Dalam erti kata yang lain, pelaburan dari luar negara menolong proses membasmi kemiskinan dan membangunkan negara.

7. Kini, dalam usaha negara menuju ke arah pembangunan perindustrian yang lebih pesat, Kerajaan mengalu-alukan penubuhan industri-industri berteknologi tinggi yang akan mendedahkan rakyat Malaysia kepada kepakaran serta teknologi-teknologi baru. Dalam hal ini, Malaysia berharap negara-negara maju yang melabur di negara ini akan berusaha memindahkan teknologi tinggi mereka ke negara ini. Dalam dunia yang saling bergantung antara satu sama lain, membantu mempercepatkan kemajuan sesebuah negara akan membawa manfaat kepada semua yang terlibat. Ini adalah kerana apabila sesebuah negara itu menjadi maju, negara pelabur boleh menjual lebih banyak barangan kepada negara tersebut.

8. Sepertimana yang saya nyatakan tadi, pelabur-pelabur asing adalah rakan pembangunan kita. Adalah diharapkan bahawa falsafah ini akan diterima baik oleh syarikat-syarikat asing, terutamanya syarikat multinasional di negara ini. Usaha yang dijalankan oleh ESSO patut dicontohi oleh syarikat-syarikat multinasional yang lain.

9. Saya mengalu-alukan langkah ESSO menyumbang sebanyak RM1.0 juta kepada Perpustakaan Negara. Ini adalah selaras dengan objektif Kerajaan supaya terdapat kerjasama yang erat antara pihak swasta dan kerajaan seperti yang terjalin dalam konsep Persyarikatan Malaysia. Sumbangan ESSO ini membawa erti yang besar kepada generasi muda negara ini kerana pendidikan dan pengetahuan adalah perkara yang ditekankan oleh Kerajaan. Negara memerlukan penduduk yang berupaya mengendalikan teknologi tinggi, berpengetahuan luas, berdisiplin, beramanah serta berhemah tinggi untuk menghadapi cabaran masa depan. Dalam hal ini, generasi muda kita merupakan antara sumber yang terpenting bagi membawa negara ke mercu kejayaan yang lebih cemerlang berdasarkan cita-cita dan hasrat yang dicerminkan dalam Wawasan 2020.

10. Walau bagaimanapun, dalam mengejar pengetahuan dan teknologi tinggi, kita tidak boleh membelakangkan nilai-nilai murni kita. Kemajuan yang kita idamkan di bawah wawasan 2020 adalah pembangunan yang seimbang antara materialisme dan kerohanian. Memanglah wajar kanak-kanak

didedahkan kepada pendidikan moral daripada kecil lagi supaya mereka menjadi warganegara yang bukan sahaja berwibawa dalam segala aspek tetapi juga bermoral tinggi. Dalam kata lain, komponen moral dan etika mestilah menjadi sebahagian yang penting dalam usaha mengejar pengetahuan dan kemahiran.

11. Di sini saya ingin menyarankan supaya perpustakaan-perpustakaan, di samping menyediakan pusat pembelajaran yang berteknologi tinggi, menyediakan lebih banyak bahan pendidikan moral dalam pelbagai corak, sama ada buku, cakera padat ataupun perisian komputer supaya kanak-kanak kita dapat didedahkan kepadanya dan menjadi rakyat dewasa yang bermoral tinggi. Hanya moral yang tinggi sahaja yang boleh menjamin segala nikmat dan kemajuan akan berkekalan.

12. Kanak-kanak yang menggunakan pusat sumber hipermedia ini boleh merujuk kepada bahan-bahan rujukan ini di samping memperolehi maklumat yang lain. Saya difahamkan bahawa pusat hipermedia teknologi tinggi tajaan ESSO ini adalah satu pusat pembelajaran yang berlainan daripada yang lain. Kanak-kanak yang menggunakan pusat ini akan didedahkan kepada pelbagai media maklumat. Mereka akan menemui dunia komputer melalui pendekatan membuat sambil mempelajari atau 'hands-on experimentation' dan berinteraksi dengan teknologi terkini. Saya yakin pusat-pusat seperti ini boleh menguji kebolehan serta mencabar keupayaan kanak-kanak dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran zaman teknologi tinggi dan canggih.

13. Saya berharap pusat sumber hipermedia ini dapat diperluaskan ke perpustakaan-perpustakaan lain bagi mendedahkan kanak-kanak di luar Kuala Lumpur pada kaedah baru ini.

14. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada ESSO atas sumbangan ini dan berharap ia akan terus bekerjasama dengan Kerajaan untuk pembangunan negara dan juga rakyat Malaysia. Semoga ESSO akan terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dinegara ini pada abad-abad yang akan datang.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Perayaan 100 Tahun ESSO.